

03/05/1999

Penafian Wan Azizah terlewat: Abdullah

TAPAH, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kenyataan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bahawa beliau tidak pernah menyamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seperti bekas Presiden Filipina, Ferdinand Marcos, tidak dapat diterima.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, penafian Presiden Parti Keadilan Nasional (KeADILan) itu hanya dibuat selepas kenyataannya mendapat kritikan pelbagai pihak di negara ini.

Menurutnya, pihaknya tidak dapat menghalang Dr Wan Azizah daripada membuat sebarang kenyataan, tetapi tetap tidak dapat menerima penafian itu kerana sudah terlewat.

"Dia bebas bercakap. Dia bebas kata dia tidak bercakap, tetapi kita dah dengar apa yang dia cakap, itu yang penting," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Tapah di Dewan Merdeka Tapah, di sini, hari ini.

Dr Wan Azizah dilaporkan membuat kenyataan itu ketika mengunjungi Filipina atas jemputan bekas Presiden negara itu, Corazon Aquino, yang mengetuai gerakan 'kuasa rakyat' menubuhkan Marcos.

Dalam temubualnya dengan stesen televisyen, Dr Wan Azizah menyuarakan persamaan antara Malaysia dengan Filipina ketika negara itu diperintah Marcos.

Dr Wan Azizah juga ke negara berkenaan bagi mengumpul sokongan terhadap perjuangan partinya.

Menurut Abdullah, laporan mengenai kenyataan Dr Wan Azizah yang juga isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sudah tersebar luas.

Katanya, beliau sepatutnya membuat penafian lebih awal apabila laporan itu mula dihebahkan.

"Kita dengar laporan di merata tempat, bertalu-talu datang. Sepatutnya ketika laporan itu keluar dia perlu awal-awal lagi berkata dia tidak bercakap.

"Jangan bila rakyat Malaysia dah mula marah, baru dia nak kata dia tak kata ... tentulah dia menganggap itu sebagai satu kesilapan yang amat besar dan bila orang dah menentang dan tak sedap hati barulah kata dia tak cakap.

"Jadi terserah kepada apa dia nak kata, katalah, biar rakyat membuat pilihan," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai ada pihak sedang melobi Dr Mahathir dan beliau sendiri bagi membenarkan rakyat Bangladesh bekerja di negara ini, beliau berkata, ianya bukan melobi sebaliknya permintaan pelbagai pihak untuk berbuat demikian.

Menurutnya, setiap keputusan membenarkan kemasukan pekerja asing diputuskan secara bersama dan perlu mematuhi prosedur tertentu.

"Kita ada prosedur tertentu. Saya tidak pernah buat keputusan begitu saja tanpa merujuk kepada jabatan berkenaan," katanya sambil enggan memberi komen lanjut sama ada kerajaan akan membenarkan permintaan itu.

Kelmarin, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, mendedahkan ada pihak berbuat demikian berikutan kerajaan masih mengharamkan kemasukan rakyat negara itu.

Kerajaan baru-baru ini hanya meluluskan kemasukan semula pekerja Indonesia dan Thailand.

(END)

